

Tarikh dibaca: 04 Oktober 2019M / 05 Safar 1441H



KHUTBAH JUMAAAT

Tajuk:

**“TANGAN YANG MEMBERI LEBIH BAIK
DARIPADA YANG MENERIMA”**

*Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



“TANGAN YANG MEMBERI LEBIH BAIK DARIPADA YANG MENERIMA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ: لَنْ تَنَالُوا الْبَرَ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ
وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءالِهٖ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ
وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan tuan-tuan sekalian, marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Tajuk khutbah pada hari ini ialah “**TANGAN YANG MEMBERI LEBIH BAIK DARIPADA YANG MENERIMA.**”

¹ Ali Imran : 92.



Islam menganjurkan umatnya supaya berusaha dan memperolehi harta secara yang halal bagi mencapai kesenangan hidup di dunia dan di akhirat. Memiliki harta merupakan suatu nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada kita semua. Sesiapa yang beriman kepada Allah SWT dan bersyukur atas segala nikmat yang diperolehi dengan membelanjakan hartanya pada jalan Allah, nescaya Allah SWT akan membala segala amal baik yang telah dilakukannya. Firman Allah SWT dalam surah al-Muzzammil ayat 20:

وَمَا تُقدِّمُوا لِأَنفُسِكُمْ مِّنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ هُوَ خَيْرًا
وَأَعْظَمُ أَجْرًا

“Dan (ingatlah), apa juu kebaikan yang kamu kerjakan sebagai bekalan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya pada sisi Allah, - sebagai balasan yang sebaik-baiknya dan yang amat besar pahala-Nya.”

Sesungguhnya orang yang sentiasa bersedekah akan mendapat naungan di hari akhirat kelak. Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Nabi SAW bersabda bahawa ada tujuh golongan manusia yang mendapat naungan arasy Allah di akhirat kelak salah satunya adalah:

وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فَأَخْفَاهَا حَتَّىٰ لَا تَعْلَمَ
شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ

“Dan seseorang yang bersedekah dengan tangan kanannya, ia menyembunyikan amalnya itu sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang disedekahkan oleh tangan kanannya.”

(Riwayat al-Bukhari).



Muslimin yang dirahmati Allah,

Selain itu amalan bersedekah juga boleh menghapuskan dosa-dosa kecil. Sebagaimana hadis daripada Muaz bin Jabal Radhiyallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَالصَّدَقَةُ تُطْفِئُ الْخَطِيئَةَ كَمَا يُطْفِئُ الْمَاءُ النَّارَ

“Dan sedekah melenyapkan kesalahan (dosa) sebagaimana air memadamkan api.”

(Riwayat al-Tirmidzi).

Malahan, bukan itu sahaja, bersedekah atau berinfaq tidak akan menjadikan seseorang itu miskin bahkan mempermudahkan ia memperoleh sumber rezeki. Firman Allah SWT dalam surah al-Saba' ayat 39:

قُلْ إِنَّ رَبِّيٌّ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَهُ وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ تُحْلِفُهُ وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ

“Katakanlah (Wahai Muhammad): “Sesungguhnya Tuhanmu memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya, dan ia juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya; dan Dia lah jua sebaik-baik pemberi rezeki.”

Hadirin Jumaat sekalian,

Dalam hidup ini, sekecil mana sedekah yang dihulurkan, ia cukup bermakna kepada si penerima yang hidup serba kekurangan, malah ‘buah tangan’ yang tidak seberapa mampu menerbitkan senyuman, walaupun



cuma untuk seketika. Islam sangat menggalakkan umatnya membantu mereka yang dalam kesempitan.

Maka dengan sebab itu, Islam sangat memuliakan orang yang sentiasa bersedekah atau menginfaqkan hartanya. Sehingga Rasulullah SAW mengangkat kedudukan orang yang bersedekah lebih mulia daripada orang yang menerima. Ini dijelaskan dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah RadhiAllahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

فَإِنَّ الْيَدَ الْعُلَيَا خَيْرٌ مِّنَ الْيَدِ السُّفْلَى

“Sesungguhnya tangan di atas (yang memberi) lebih baik daripada tangan yang di bawah (yang menerima).”

(Riwayat al-Bukhari).

Muslimin yang berbahagia sekalian,

Walaupun sedekah itu sesuatu yang sangat digalakkan dalam Islam, tetapi terdapat segelintir masyarakat menyalahgunakan kebaikan orang yang suka menginfaqkan atau mendermakan hartanya. Perbuatan meminta derma tanpa kebenaran masih berleluasa di sana sini. Aktiviti-aktiviti ini dapat dilihat dengan jelas di tempat-tempat awam seperti di hadapan bank-bank, stesen-stesen minyak, pasar-pasar malam, restoran-restoran dan lain-lain lagi.

Lebih dari itu, sebilangan kanak-kanak turut dieksloitasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab bagi membuat pungutan derma di stesen-stesen minyak dan restoran-restoran. Kanak-kanak ini ada yang digunakan khusus menjalankan kutipan derma dan ada juga yang digunakan untuk menjual cakera padat syarahan agama, kismis, buku dan sebagainya.



Jika tidak mahu membeli, mereka akan menyarankan berilah sumbangan jariah kepada mereka.

Malangnya, masyarakat seperti tidak mempedulikan sama ada individu atau kanak-kanak yang menjalankan kutipan derma sama ada benar-benar mewakili sesebuah institusi seperti maahad tahfiz ataupun melakukan penipuan. Dengan sikap kemurahan hati yang wujud dalam diri, sebahagian masyarakat mudah sahaja menghulurkan derma tanpa berfikir panjang. Para pengutip pula secara terang-terang bebas menjalankan kutipan ke sana ke mari tanpa sebarang sekatan.

Kini, aktiviti kutipan derma atau secara istilahnya disebut sebagai pungutan khairat banyak dijalankan oleh pelbagai pihak. Pungutan khairat diertikan sebagai kutipan bagi tujuan kebajikan, derma atau sedekah. Aktiviti ini hendaklah berjalan mengikut lunas undang-undang.

Berdasarkan Seksyen 106, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, dengan surat kebenaran yang dikeluarkan oleh Majlis, membenarkan mana-mana orang atau kumpulan orang memungut wang atau sumbangan-sumbangan lain bagi apa-apa maksud khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak.

Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mendapat kebenaran MAIS adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Hadirin sidang Jumaat sekalian,



Kutipan derma sebenarnya mempunyai maksud dan fungsi yang luas. Ia bukan sahaja berperanan sebagai menampung kos pembinaan atau penyelenggaraan bagi pembangunan sesebuah institusi, tetapi ianya juga berfungsi merangsang masyarakat untuk sama-sama bertaawun serta menyuburkan amalan bersedekah dalam kalangan masyarakat.

Selaras dengan perkembangan aktiviti pungutan khairat, MAIS telah menguatkuaskan peraturan yang perlu diketahui oleh semua masyarakat supaya tidak lagi berlakunya penipuan:

Apabila sesuatu permohonan itu diluluskan, setiap pemohon dan penerima kebenaran tersebut wajib mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan antaranya seperti berikut:

1. Tidak dibenarkan membuat pungutan khairat di tempat-tempat awam seperti dari rumah ke rumah, pusat-pusat membeli belah, pasar-pasar malam, restoran-restoran dan sebagainya;
2. Kutipan hendaklah dipohon terus kepada individu-individu tertentu yang berminat untuk menderma contohnya seperti tokoh-tokoh korporat, pejabat-pejabat kerajaan atau swasta;
3. Hanya individu yang diberi kebenaran sahaja yang dibenarkan menjalankan pungutan dengan menggunakan kad kebenaran yang dibekalkan dan mengeluarkan resit penerimaan ke atas setiap wang yang dipungut.

Hadirin Jumaat sekalian,

MAIS melalui Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dari semasa ke semasa akan sentiasa memantau dan



mengambil tindakan terhadap kutipan atau pungutan khairat tanpa kebenaran MAIS.

Pihak Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) juga sentiasa melaksanakan operasi membanteras warga asing yang mengutip derma di negeri ini dan sehingga kini lebih 30 orang warga asing telah ditangkap kerana membuat kutipan derma tanpa kebenaran MAIS.

Muslimin yang berbahagia sekalian,

Bagi mengakhiri khutbah hari ini, khatib ingin mengajak masyarakat supaya mengambil panduan seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa ganjaran yang besar di sisi Allah SWT disediakan bagi orang yang sentiasa bersedekah.
2. Adalah haram dan berdosa bagi sesiapa yang cuba mengambil kesempatan dengan melakukan penipuan dan memperdaya orang ramai yang ingin bersedekah.
3. Umat Islam hendaklah bijak mengambil tanggungjawab dan peranan untuk membentuk masyarakat yang baik dan sentiasa prihatin membantu umat Islam yang lain.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِنْ رَبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرَضُهَا السَّمَوَاتُ
وَالْأَرْضُ أَعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ۱۳۳ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَاءِ



وَالْكَّاْظِمِينَ الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ تُحِبُّ
الْمُحْسِنِينَ



“Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa. Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik.”

(ali-Imran : 133-134).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ وَهُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزَّ



الإِسْلَامُ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرَ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظْ بِعِينِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحَفْظِ وِقَائِتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ
سلاَّعُورَ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسَ شَاهَ الْحَاجَ
ابنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهَ
الْحَاجَ. اللَّهُمَّ أَدِمْ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاَّعُورَ، تَعْكُو
أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسَ شَاهَ
الْحَاجَ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.



Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana. Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ
يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
